

**M. P.U. 42.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM (MAJLIS  
PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) 2010**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kebersihan dan kehendak-kehendak lain
4. Syarat-syarat penggunaan tandas awam
5. Kewajipan penerima pajak
6. Tandas berasingan untuk berlainan jantina
7. Caj
8. Penguatkuasaan
9. Penalty

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM (MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73(1)(j) dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010**.  
(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.  
(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis;

“tandas awam” termasuklah mana-mana bangunan, bilik atau ruang yang dibina dan disenggara oleh Majlis, dibina oleh Majlis dan diselenggara oleh mana-mana orang atau syarikat yang dilantik oleh Majlis, di mana boleh digunakan oleh orang ramai untuk membuang air besar, membuang air kecil atau untuk mencuci dirinya;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

**Kebersihan dan kehendak-kehendak lain**

3. Tiada seorang pun boleh—
  - (a) membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai kecuali dalam bekas atau ruang yang disediakan bagi maksud masing-masing;
  - (b) membiarkan paip air terbuka selepas menggunakan sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;

- 
- (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas;
  - (d) mengotorkan, melukis, menconteng atau menggecat dengan menggunakan apa-apa bahan di atas dinding, siling atau apa-apa binaan atau kelengkapan yang disediakan dalam tandas awam;
  - (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; atau
  - (f) meninggalkan mangkuk tandas tanpa menyimbahkan atau memancurkan air selepas menggunakaninya.

**Syarat-syarat penggunaan tandas awam**

- 4. Tiada seorang pun boleh—
  - (a) membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam;
  - (b) menyalakan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seseorang pun boleh makan atau tidur di dalamnya;
  - (c) mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam;
  - (d) menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang;
  - (e) menjalankan transaksi perniagaan dalam mana-mana tandas awam;
  - (f) dibenarkan merokok di dalam mana-mana tandas awam; atau
  - (g) dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam melainkan kemudahan mandi disediakan di dalamnya.

**Kewajipan penerima pajak**

- 5. Jika mana-mana tandas awam dipajak, penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah—
  - (a) menjaga tandas awam itu supaya bersih dan memastikan pencahayaan yang mencukupi sehingga Majlis berpuas hati; dan
  - (b) menyebabkan suatu salinan Undang-Undang Kecil yang ditulis dalam bahasa kebangsaan dan caj penggunaan dipamerkan secara berterusan di tempat yang mudah dilihat di tandas awam itu.

**Tandas berasingan untuk berlainan jantina**

- 6. (1) Majlis hendaklah memperuntukkan tandas awam yang berasingan mengikut jantina dan mengadakan tanda-tanda yang bersesuaian untuk tujuan tersebut.
  - (2) Tiada seseorang pun boleh memasuki atau menggunakan tandas awam yang disediakan untuk jantina yang berlainan.

**Caj**

7. (1) Tiada seseorang pun boleh memasuki atau menggunakan mana-mana tandas awam tanpa membayar caj tidak lebih dari tiga ringgit bagi setiap orang.

(2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan.

**Penguatkuasaan**

8. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar Undang-Undang Kecil ini boleh diambil tindakan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

**Penalti**

9. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dalam mesyuaratnya pada 11 Januari 2010  
[MPHTJ/JPU/UD/UUK/016; PUNM. 700-02/6 Jilid 2]

HJ. KAMARUDIN BIN MD SHAH  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 24 November 2010  
[MMKN. 33/2010]

MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Melaka*

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**

**PUBLIC LAVATORIES (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL  
COUNCIL) BY-LAWS 2010**

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

---

By-Laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation
3. Cleanliness and other requirements
4. Conditions of use of public lavatory
5. Duties of lessee
6. Separate lavatory for different gender
7. Charge
8. Enforcement
9. Penalty

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976****PUBLIC LAVATORIES (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2010**

IN exercise of the powers conferred by section 73(1)(j) and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Hang Tuah Jaya Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

**Citation, commencement and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Public Lavatories (Hang Tuah Jaya Municipal Council) By-Laws 2010**.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

(3) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Hang Tuah Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires-

“Council” means the Hang Tuah Jaya Municipal Council;

“authorised officer” means any officer of the Council;

“public lavatory” includes any building, room or compartment erected and maintained by the Council, erected by the Council and maintained by any person or firm appointed by the Council, where the public may go to defecate, urinate or cleanse himself;

“President” means the President of the Hang Tuah Jaya Municipal Council.

**Cleanliness and other requirements**

3. No person shall—

- (a) throw any rubbish, spit, urinate or defecate on the floor except in a proper receptacle or compartment provided for the respective requirement;
- (b) leave the tap on after using whether or not there is a running water supply or otherwise;
- (c) damage or remove any article in the lavatory;

- 
- (d) dirty, draw, scribble or paint using any instrument on the wall ceiling or any structure or fitting provided in the public lavatory;
  - (e) behave in a disorderly or indecent manner; or
  - (f) leave the bowl without pouring or flushing after use.

**Condition of use of public lavatory**

- 4. No person shall—
  - (a) wash any article of clothing or leave them to dry in a public lavatory;
  - (b) lit a fire or cook food within the public lavatory and no person shall eat nor sleep therein;
  - (c) wash food, utensil, crockery or any container in a public lavatory;
  - (d) use any public lavatory as a place for storing goods;
  - (e) carry out any business transaction in any public lavatory;
  - (f) be allowed to smoke in any public lavatory; or
  - (g) be allowed to bath in any public lavatory except where bathing facilities are provided therein.

**Duties of lessee**

- 5. In the event of any public lavatory being leased, the lessee or any person manage the said public lavatory shall—
  - (a) keep the public lavatory clean and lighted sufficiently to the satisfaction of the Council; and
  - (b) cause a copy of these By-Laws distinctly written in the national language and usage charge to be continuously displayed in a prominent place within the public lavatory.

**Separate lavatory for different gender**

- 6. (1) The Council shall provide a separate lavatory according to gender and provide appropriate sign for the said purpose.
  - (2) No person shall enter or use the public lavatory provided for opposite gender.

**Charge**

- 7. (1) No person shall enter or use any public lavatory without paying charge not more than three ringgit for each person.

---

(2) Any person who fails to pay the prescribed charge is committing an offence.

**Enforcement**

8. Any person who commits any act in contravention of any provisions of these By-Laws, action can be taken by any authorized officer.

**Penalty**

9. Any person who contravenes any provisions of these By-Laws commits of an offence and shall, on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or both.

Made by the Hang Tuah Jaya Municipal Council in the meeting on 11 January 2010  
[MPHTJ/JPU/UD/UUK/016; PUNM. 700-02/6 Jilid 2]

HJ. KAMARUDIN BIN MD SHAH  
*President,*  
*Hang Tuah Jaya Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on 24 November 2010  
[MMKN. 33/2010]

MARIAM BINTI ILIAS  
*Secretary,*  
*State Executive Council,*  
*Malacca*